

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]**

**SOALAN : Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]  
minta MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan  
anggaran jumlah ton Durian jenis  
Musang King yang dihasilkan di  
Malaysia pada tahun 2016. Nyatakan 5  
destinasi eksport utama dan berapa ton  
dieksport ke destinasi tersebut.**

## **JAWAPAN**

Pada tahun 2016, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menganggarkan pengeluaran durian negara adalah sebanyak 127,901.73 metrik tan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 22,839.26 metrik tan (17.9%) adalah durian jenis Musang King.

Jumlah durian yang dieksport termasuk durian jenis Musang King pada tahun 2015 adalah sebanyak 19,892 tan. Daripada jumlah tersebut, kebanyakan durian dieksport ke Singapura (18,816 tan), China (444 tan), Hong Kong (239 tan), Indonesia (228 tan) dan Thailand (80 tan).